

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JULY 2017

Dr. Mahathir ubah pendirian ikut selera politik sendiri

um- 12/7/2017 pg. 8

SHAH ALAM 11 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sebagai pemimpin 'lidah bercabang' apabila sering bertukar prinsip serta pendirian dalam sesuatu isu mengikut selera politik sendiri.

Setiausaha Pemuda UMNO Selangor, Datuk Ahmad Mua'adzam Shah Ya'akop berkata, paling memalukan apabila Dr. Mahathir menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Pakatan Harapan diketuai DAP.

"Dahulu semasa menjadi Perdana Menteri beliau menyakinkan semua pihak akan tindakannya memecat Anwar pada September 1998 sebagai tepat kerana bekas Timbalan Perdana Menteri itu terpalit isu moral.

"Hari ini beliau mengene-pikan pendiriannya dan menyokong Anwar dicalonkan sebagai Perdana Menteri. Bagi saya beliau benar-benar 'lidah bercabang' dan tidak boleh dipercayai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



**AHMAD MUA'ADZAM
SHAH YA'AKOP**

Baru-baru ini, Dr. Mahathir ketika ditemubual akhbar *The Guardian di London* dilaporkan menyokong Anwar sebagai Perdana Menteri sekiranya bekas timbalannya itu yang juga Penasihat PKR mendapat pengampunan diraja.

Dalam pada itu, Ahmad Mua'adzam turut mempersoalkan integriti Dr. Mahathir yang menyembunyikan isu kerugian Forex semasa menjadi Perdana Menteri sehingga menyebabkan Bank Negara Malaysia mengalami kerugian berjumlah RM44 bilion dari 1991 hingga 1993.

"Selama ini rakyat tidak tahu akan kerugian yang berlaku. Kita yakin usaha kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat skandal ini dibuat atas dasar prinsip ketelusan dan keber-tanggungjawaban.

"Diharapkan siasatan RCI nanti membuka mata rakyat akan permasalahan sebenar yang berlaku sepanjang pentad-biran Dr. Mahathir," ujarnya.